

27 FEB 2000

Jenazah-Kebumi

JENAZAH ABDULLAH SELAMAT DIKEBUMIKAN

KUANTAN, 27 Feb (Bernama) -- Jenazah Allahyarham Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Pendidikan dan Multimedia Negeri Pahang Datuk Abdullah Kia selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Hutan Setali di sini pada 2.30 petang ini.

Yang turut hadir pada upacara pengebumian itu ialah Sultan dan Sultanah Pahang, Tengku Mahkota Pahang, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Anggota majlis mesyuarat kerajaan negeri, wakil-wakil rakyat serta pembesar negeri turut hadir selain saudara mara dan sahabat handai Allahyarham.

Abdullah menghembuskan nafas terakhir pada 11.05 malam tadi di Hospital Tengku Ampuan Afzan selepas dimasukkan ke wad rawatan rapi sejak Selasa lepas setelah diserang angin ahmar.

Turut berada di sisinya ketika itu ialah Sultan dan Sultanah Pahang, Menteri Besar dan isternya Datin Seri Junainah Kassim, isteri Allahyarham Datuk Zulida Adam dan beberapa orang anaknya.

Allahyarham meninggalkan lima orang anak hasil perkahwinannya dengan Zulida iaitu Faizul Azlan, 29, Rafiz Azuan, 28, Sabina Azah, 25, Norsiswi Azni, 22, dan Mudzaffar Azif, 20, dan dua lagi Aishah Norizwani, 6, dan Arif Assadikin, 2, hasil perkahwinannya dengan Fatimah Rosmawati Nordin, 38.

Adnan menyifatkan Abdullah sebagai seorang pemimpin yang senang didampingi dan sentiasa bekerja kuat.

Adnan juga berkata terlalu awal untuk diberitahu tentang pilihan raya kecil bagi kerusi Dewan Undangan Negeri Sanggang yang diwakili oleh Abdullah.

"Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan diberitahu. Mengenai jawatan Pengerusi Jawatankuasa itu pula saya akan berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tuanku Sultan Pahang," katanya.

-- BERNAMA

SHS MAI